Majlis Daerah Simunjan	2021	n.a	n.a	n.a
	2022	n.a	n.a	n.a
	2023	n.a	n.a	n.a
Majlis Daerah Sri Aman	2021	n.a	n.a	n.a
	2022	n.a	n.a	n.a
	2023	n.a	n.a	n.a
Majlis Daerah Subis	2021	n.a	n.a	n.a
	2022	n.a	n.a	n.a
	2023	n.a	n.a	n.a

Sumber: MURNInets, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Source: MURNInets, Department of Town and Country Planning (PLANMalaysia)

Nota/ Notes :

n.a tidak berkenaan
not applicable



Indikator 11.6.1 : Peratusan sisa pepejal perbandaran yang dikumpulkan dan dikendalikan di kemudahan terkawal daripada jumlah sampah perbandaran yang dihasilkan mengikut bandar

Indicator 11.6.1 : *Proportion of municipal solid waste collected and managed in controlled facilities out of total municipal waste generated, by cities*

Jadual D5 : Peratusan sisa pepejal yang dikitar semula daripada jumlah sisa pepejal yang dikumpulkan mengikut negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Malaysia, 2021-2023 (Proksi) (samb.)

Table D5 : *Proportion of solid waste recycled out of total solid waste collected by state and Local Authority, Malaysia, 2021-2023 (Proxy) (cont'd)*

Pihak Berkuasa Tempatan <i>Local authority</i>	Tahun <i>Year</i>	Sisa Pepejal Yang Dikitar Semula (Kilogram) <i>Recycled Solid Waste (Kilograms)</i>	Sisa pepejal yang dikumpulkan (Kilogram) <i>Solid Waste Collected (Kilograms)</i>	Peratus sisa pepejal yang dikitar semula (%) <i>Proportion solid waste recycled (%)</i>
SELANGOR	2021	194,118,628.4	1,747,319,652.0	11.1
	2022	449,199,198.9	1,803,959,390.0	24.9
	2023	591,162,579.5	1,727,920,527.0	34.2
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2021	11,900,875.0	168,238,300.0	7.1
	2022	70,859,080.0	167,718,160.0	42.2
	2023	56,308,805.5	134,009,860.0	42.0
Majlis Bandaraya Shah Alam	2021	43,619,824.3	189,218,390.0	23.1
	2022	57,491,061.4	183,205,912.0	31.4
	2023	71,543,115.6	202,824,927.0	35.3
Majlis Bandaraya Subang Jaya	2021	36,286,770.0	257,959,440.0	14.1
	2022	53,145,770.0	269,700,230.0	19.7
	2023	77,661,250.0	230,848,830.0	33.6
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2021	3,805,743.5	148,960,590.0	2.6
	2022	4,227,316.8	150,462,750.0	2.8
	2023	35,038,837.0	82,777,610.0	42.3
Majlis Perbandaran Hulu Selangor	2021	4,441,300.0	62,499,500.0	7.1
	2022	5,287,920.0	64,307,170.0	8.2
	2023	25,564,267.0	60,880,890.0	42.0
Majlis Perbandaran Kajang	2021	41,253,200.0	235,257,460.0	17.5
	2022	45,654,200.0	250,832,680.0	18.2
	2023	75,603,129.0	248,674,300.0	30.4
Majlis Perbandaran Klang	2021	6,108,970.0	254,415,140.0	2.4
	2022	83,469,334.6	264,198,070.0	31.6
	2023	99,168,894.1	272,952,200.0	36.3
Majlis Perbandaran Kuala Langat	2021	1,865,115.6	62,224,720.0	3.0
	2022	1,619,532.5	70,597,840.0	2.3
	2023	30,082,651.0	70,492,010.0	42.7
Majlis Perbandaran Kuala Selangor	2021	516,186.0	55,343,790.0	0.9
	2022	346,414.0	63,577,470.0	0.5
	2023	565,569.0	67,713,930.0	0.8

Sumber: MURNInets, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Source: MURNInets, Department of Town and Country Planning (PLANMalaysia)



Indikator 11.6.1 : Peratusan sisa pepejal perbandaran yang dikumpulkan dan dikendalikan di kemudahan terkawal daripada jumlah sampah perbandaran yang dihasilkan mengikut bandar

Indicator 11.6.1 : *Proportion of municipal solid waste collected and managed in controlled facilities out of total municipal waste generated, by cities*

Jadual D5 : Peratusan sisa pepejal yang dikitar semula daripada jumlah sisa pepejal yang dikumpulkan mengikut negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Malaysia, 2021-2023 (Proksi) (samb.)

Table D5 : *Proportion of solid waste recycled out of total solid waste collected by state and Local Authority, Malaysia, 2021-2023 (Proxy) (cont'd)*

Pihak Berkuasa Tempatan <i>Local authority</i>	Tahun <i>Year</i>	Sisa Pepejal Yang Dikitar Semula (Kilogram) <i>Recycled Solid Waste (Kilograms)</i>	Sisa pepejal yang dikumpulkan (Kilogram) <i>Solid Waste Collected (Kilograms)</i>	Peratus sisa pepejal yang dikitar semula (%) <i>Proportion solid waste recycled (%)</i>
Majlis Perbandaran Selayang	2021	42,886,414.0	228,332,140.0	18.8
	2022	101,608,251.6	221,018,590.0	46.0
	2023	70,530,912.4	209,817,160.0	33.6
Majlis Perbandaran Sepang	2021	1,418,204.0	52,918,072.0	2.7
	2022	25,471,484.0	63,001,528.0	40.4
	2023	49,063,629.0	114,459,620.0	42.9
Majlis Daerah Sabak Bernam	2021	16,026.0	31,952,110.0	0.1
	2022	18,834.0	35,338,990.0	0.1
	2023	31,520.0	32,469,190.0	0.1
TERENGGANU	2021	81,655,448.4	287,816,490.5	28.4
	2022	1,985,738.4	232,331,761.7	0.9
	2023	34,222,263.4	260,645,025.0	13.1
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	2021	80,280,227.3	91,020,303.0	88.2
	2022	591,040.0	67,884,000.0	0.9
	2023	32,370,038.0	78,951,314.0	41.0
Majlis Perbandaran Dungun	2021	853,453.5	18,665,670.0	4.6
	2022	439,352.0	15,284,001.0	2.9
	2023	464,553.9	29,817,820.0	1.6
Majlis Perbandaran Kemaman	2021	245,829.6	86,196,757.5	0.3
	2022	502,767.5	57,368,610.0	0.9
	2023	732,411.3	58,786,401.0	1.2
Majlis Daerah Besut	2021	53,450.0	23,879,400.0	0.2
	2022	62,070.0	26,783,000.7	0.2
	2023	297,100.7	28,864,960.0	1.0
Majlis Daerah Hulu Terengganu	2021	n.a	40,000.0	n.a
	2022	138,800.0	25,000,000.0	0.6
	2023	140,500.0	26,353,000.0	0.5
Majlis Daerah Marang	2021	220,950.0	42,014,360.0	0.5
	2022	233,050.0	22,492,150.0	1.0
	2023	193,630.0	21,081,530.0	0.9

Sumber: MURNInets, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Source: MURNInets, Department of Town and Country Planning (PLANMalaysia)

Nota/ Notes :

n.a tidak berkenaan
not applicable



- Indikator 11.6.1** : Peratusan sisa pepejal perbandaran yang dikumpulkan dan dikendalikan di kemudahan terkawal daripada jumlah sampah perbandaran yang dihasilkan mengikut bandar
- Indicator 11.6.1* : *Proportion of municipal solid waste collected and managed in controlled facilities out of total municipal waste generated, by cities*
- Jadual D5** : Peratusan sisa pepejal yang dikitar semula daripada jumlah sisa pepejal yang dikumpulkan mengikut negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Malaysia, 2021-2023 (Proksi) (samb.)
- Table D5* : *Proportion of solid waste recycled out of total solid waste collected by state and Local Authority, Malaysia, 2021-2023 (Proxy) (cont'd)*

Pihak Berkuasa Tempatan <i>Local authority</i>	Tahun <i>Year</i>	Sisa Pepejal Yang Dikitar Semula (Kilogram) <i>Recycled Solid Waste (Kilograms)</i>	Sisa pepejal yang dikumpulkan (Kilogram) <i>Solid Waste Collected (Kilograms)</i>	Peratus sisa pepejal yang dikitar semula (%) <i>Proportion solid waste recycled (%)</i>
Majlis Daerah Setiu	2021	1,538.0	26,000,000.0	0.0
	2022	18,658.9	17,520,000.0	0.1
	2023	24,029.5	16,790,000.0	0.1
WILAYAH PERSEKUTUAN	2021	189,288,561.2	804,265,890.0	23.5
	2022	6,411,290.9	747,876,850.0	0.9
	2023	7,490,945.9	591,281,290.0	1.3
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	2021	184,952,084.0	751,837,740.0	24.6
	2022	1,088,763.6	693,099,440.0	0.2
	2023	1,197,088.9	529,399,780.0	0.2
Perbadanan Putrajaya	2021	4,314,204.0	30,906,280.0	14.0
	2022	5,310,747.0	33,740,220.0	15.7
	2023	6,282,659.0	34,239,960.0	18.3
Perbadanan Labuan	2021	22,273.2	21,521,870.0	0.1
	2022	11,780.3	21,037,190.0	0.1
	2023	11,198.0	27,641,550.0	0.04

Sumber: MURNInets, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Source: MURNInets, Department of Town and Country Planning (PLANMalaysia)

Nota/ Notes :

- Sisa pepejal yang dijana meliputi sisa pepejal yang dihasilkan oleh isi rumah atau dikeluarkan oleh mana-mana premis yang dihuni sebagai rumah kediaman
Solid waste generated covers solid waste produced by households or removed by any premises occupied as a residential house
- Data merupakan kutipan sisa pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (SWCorp)
Data is solid waste collection by the Local Authority (PBT) and the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp)
- Data sisa pepejal yang dikitar semula adalah berdasarkan program dan projek yang dilaksanakan oleh PBT. Penyertaan program dan projek ini adalah secara sukarela oleh PBT yang terlibat.
Recycled solid waste data based on programs and projects implemented by Local Authority. Participation in these programs and projects is voluntary by the Local Authority involved
- Negeri Sarawak masih belum menyertai Program MURNInets Tahun 2022
Sarawak has not yet participated in the MURNInets 2022 Program
- 0.0 merujuk kepada kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan
refers to less than half of the smallest unit shown



BAHAGIAN *PART*

5

Nota Teknikal
Technical Notes

Singkatan
Abbreviations



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

MATLAMAT 7: TENAGA MAMPU MILIK DAN BERSIH

INDIKATOR	7.1.1 Peratusan penduduk dengan akses kepada bekalan elektrik
KONSEP DAN DEFINISI	Global Peratusan penduduk dengan akses kepada bekalan elektrik adalah peratusan penduduk dengan akses kepada bekalan elektrik. Ini dinyatakan dalam bentuk peratusan dan dipisahkan mengikut kadar akses keseluruhan, bandar, dan luar bandar setiap negara, serta mengikut klasifikasi serantau dan global PBB. Nasional Peratusan isi rumah yang mengakses kepada bekalan elektrik adalah isi rumah yang mempunyai akses kepada elektrik yang dibekalkan oleh syarikat elektrik (seperti Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd dan lain-lain). Ini juga merangkumi elektrik yang dibekalkan melalui janakuasa sama ada dibekalkan oleh syarikat elektrik atau yang dimiliki oleh isi rumah. Tambahan pula, ia juga termasuk bekalan elektrik yang diperoleh menggunakan tenaga solar.
INDIKATOR	7.1.2 Peratusan penduduk dengan kebergantungan utama kepada bahan api dan teknologi bersih
KONSEP DAN DEFINISI	Global Peratusan penduduk dengan pergantungan utama kepada bahan api dan teknologi bersih dikira sebagai bilangan orang yang menggunakan bahan api dan teknologi bersih untuk memasak, memanaskan dan pencahayaan dibahagikan dengan jumlah penduduk yang melaporkan sebarang masakan, pemanasan atau pencahayaan, dinyatakan sebagai peratusan. "Bersih" didefinisikan oleh sasaran kadar pelepasan dan pengesyoran bahan api khusus (iaitu terhadap arang batu dan minyak tanah yang tidak diproses) yang disertakan dalam panduan normatif garis panduan WHO untuk kualiti udara dalaman: pembakaran bahan api isi rumah. Nasional Peratusan penduduk yang menggunakan sekurang-kurangnya dapur gas (LPG) untuk memasak.
INDIKATOR	7.2.1 Sumbangan tenaga boleh baharu dalam jumlah penggunaan tenaga akhir
KONSEP DAN DEFINISI	Global Sumbangan tenaga boleh baharu dalam jumlah penggunaan tenaga akhir adalah peratusan penggunaan tenaga akhir yang diperoleh daripada sumber yang boleh diperbaharui.
FORMULA	Global Indikator ini dikira berdasarkan formula berikut: $TFEC_{RES} = \frac{TFEC_{RES} + \left(TFEC_{ELE} \times \frac{ELE_{RES}}{ELE_{TOTAL}} \right) + \left(TFEC_{HEAT} \times \frac{HEAT_{RES}}{HEAT_{TOTAL}} \right)}{TFEC_{TOTAL}}$ Dimana: TFEC: Jumlah keseluruhan penggunaan tenaga akhir ialah jumlah penggunaan tenaga akhir dalam pengangkutan, industri, dan sektor lain (juga bersamaan dengan jumlah keseluruhan penggunaan akhir ditolak dengan penggunaan bukan tenaga). ELE: Pengeluaran elektrik kasar

	HEAT: Pengeluaran haba kasar RES: Sumber tenaga boleh diperbaharui yang termasuk kuasa hidro, angin, fotovoltaiik solar, terma solar, geothermal, pasang surut/gelombang/lautan, sisa pepejal boleh diperbaharui, bahan api bio pepejal, bahan api bio cecair, dan biogas. Penyebut adalah jumlah penggunaan tenaga akhir semua produk tenaga, manakala pembilang merangkumi penggunaan langsung sumber tenaga boleh diperbaharui tambah penggunaan akhir elektrik dan haba kasar yang dianggarkan berasal dari sumber boleh diperbaharui.
INDIKATOR	7.3.1 Intensiti tenaga yang diukur dari segi tenaga primer dan KDNK
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Intensiti tenaga adalah didefinisikan sebagai tenaga yang dibekalkan kepada nilai per unit keluaran ekonomi.
INDIKATOR	7.b.1 Kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu yang dipasang di Negara membangun (dalam watt per kapita)
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator ini didefinisikan sebagai kapasiti penjanaan loji kuasa yang menjana tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui dibahagikan dengan jumlah penduduk sesebuah negara. Kapasiti didefinisikan sebagai kapasiti elektrik maksimum bersih yang dijana pada akhir tahun dan sumber tenaga boleh diperbaharui adalah seperti yang didefinisikan dalam Statut IRENA. Konsep: Statut IRENA mendefinisikan tenaga boleh diperbaharui untuk memasukkan tenaga daripada sumber berikut: kuasa hidro; tenaga marin (tenaga lautan, pasang surut dan ombak); tenaga angin; tenaga suria (tenaga fotovoltan dan haba); biotenaga; dan tenaga geoterma.
FORMULA	<u>Global</u> Bagi setiap negara dan tahun, kapasiti penjanaan elektrik boleh baharu pada akhir tahun dibahagikan dengan jumlah penduduk keseluruhan negara pada pertengahan tahun (1 Julai).

MATLAMAT 8: PEKERJAAN YANG SESUAI DAN PERTUMBUHAN EKONOMI

INDIKATOR	8.1.1 Kadar pertumbuhan tahunan KDNK benar per kapita
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar per kapita dikira sebagai peratusan perubahan dalam KDNK benar per kapita antara dua tahun berturut-turut. KDNK benar per kapita dikira dengan membahagikan KDNK pada harga malar dengan penduduk negara atau kawasan. Data bagi KDNK benar diukur dalam dolar AS pada harga malar untuk memudahkan pengiraan kadar pertumbuhan negara dan pengagregatan data negara. <u>Nasional</u> Kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar per kapita dikira sebagai peratusan perubahan dalam KDNK benar per kapita antara dua tahun berturut-turut. KDNK benar per kapita (dalam Ringgit Malaysia (RM)) dikira dengan membahagikan KDNK pada harga malar dengan penduduk Malaysia.

FORMULA	<u>Global</u> Kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar per kapita dikira seperti berikut: - Tukarkan KDNK benar tahunan dalam mata wang domestik pada harga malar 2015 bagi sebuah negara atau kawasan kepada dolar AS pada harga tahun 2015 menggunakan kadar pertukaran 2015. - Bahagikan hasil tersebut dengan jumlah penduduk atau kawasan dalam negara untuk mendapatkan KDNK benar tahunan per kapita dalam malar dolar AS pada harga tahun 2015. - Kira kadar pertumbuhan tahunan KDNK per kapita pada tahun t+1 dengan menggunakan formula berikut: $\frac{G_{t+1}-G_t}{G_t} \times 100$, dimana G_{t+1} adalah KDNK benar per kapita dalam dolar AS 2015 pada tahun t+1 dan G_t adalah KDNK benar per kapita dalam dolar AS 2015 pada tahun t. <u>Nasional</u> Kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar per kapita dikira seperti berikut: - KDNK benar tahunan pada harga malar 2015 (dalam RM) dibahagikan dengan jumlah penduduk - Kira kadar pertumbuhan tahunan KDNK per kapita pada tahun t+1 dengan menggunakan formula berikut: $\frac{G_{t+1}-G_t}{G_t} \times 100$, dimana G_{t+1} adalah KDNK benar per kapita pada harga malar 2015 (dalam RM) pada tahun t+1 dan G_t adalah KDNK benar per kapita pada harga malar 2015 (dalam RM) pada tahun t.
INDIKATOR	8.2.1 Kadar pertumbuhan tahunan KDNK sebenar bagi setiap pekerja
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar bagi setiap orang yang bekerja menunjukkan peratusan perubahan tahunan KDNK sebenar bagi setiap pekerja.
FORMULA	<u>Global</u> $\text{KDNK sebenar setiap orang yang bekerja} = \frac{\text{KDNK pada harga tetap}}{\text{Jumlah keseluruhan pekerjaan}}$ Pembilang dan penyebut dalam persamaan di atas merujuk kepada tempoh rujukan yang sama, sebagai contoh, tahun kalendar yang sama. Jika KDNK sebenar setiap orang yang bekerja sebagai "LabProd", maka kadar pertumbuhan tahunan KDNK sebenar setiap orang yang bekerja dikira seperti berikut: Kadar pertumbuhan tahunan KDNK sebenar setiap orang yang bekerja $= \frac{(\text{LabProd dalam tahun } n) - (\text{LabProd dalam tahun } n - 1)}{(\text{LabProd dalam tahun } n - 1)} \times 100$
INDIKATOR	8.3.1 Peratusan guna tenaga informal dalam jumlah guna tenaga, mengikut sektor dan jantina
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator ini menunjukkan sumbangan guna tenaga yang diklasifikasikan sebagai guna tenaga informal dalam keseluruhan ekonomi, dan secara berasingan dalam pertanian dan bukan pertanian.

	<u>Nasional</u> Sumbangan pekerjaan informal terhadap jumlah guna tenaga bukan pertanian.
FORMULA	<u>Global</u> Peratusan pekerjaan tidak formal dalam jumlah guna tenaga $= \frac{\text{Pekerjaan tidak formal}}{\text{Jumlah guna tenaga}} \times 100$ Peratusan pekerjaan tidak formal dalam pertanian $= \frac{\text{Pekerjaan tidak formal dalam aktiviti pertanian}}{\text{Jumlah guna tenaga dalam pertanian}} \times 100$ Peratusan pekerjaan tidak formal dalam pekerjaan bukan pertanian $= \frac{\text{Pekerjaan tidak formal dalam aktiviti bukan pertanian}}{\text{Jumlah guna tenaga dalam aktiviti bukan pertanian}} \times 100$ <u>Nasional</u> Peratus pekerjaan informal bukan pertanian terhadap jumlah guna tenaga bukan pertanian $= \frac{\text{Pekerjaan informal bukan pertanian}}{\text{Jumlah guna tenaga bukan pertanian}} \times 100$
INDIKATOR	8.4.2 Penggunaan bahan dalam negeri, penggunaan bahan dalam negeri per kapita dan penggunaan bahan dalam negeri per KDNK
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Penggunaan Bahan Domestik (DMC) adalah indikator Perakaunan Aliran Bahan standard (MFA) dan laporan penggunaan bahan yang ketara dalam ekonomi negara. DMC mengukur jumlah keseluruhan bahan (biomass, bahan api fosil, bijih logam dan mineral bukan logam) yang digunakan secara langsung dalam ekonomi berdasarkan catatan aliran bahan mentah secara langsung, iaitu pengekstrakan bahan domestik dan import dan eksport fizikal." <u>Proksi</u> Intensiti tenaga dan penggunaan tenaga, Malaysia.
FORMULA	<u>Global</u> Penggunaan Bahan Domestik (DMC), mengikut jenis bahan mentah (tan) dikira sebagai: $DMC = DE + IM - EX,$ Dimana: DMC – penggunaan bahan domestik; DE – pengekstrakan bahan domestik; IM – import secara langsung; EX – eksport secara langsung. DMC mengukur jumlah bahan yang digunakan dalam proses ekonomi. Ia tidak termasuk bahan yang digerakkan untuk proses pengekstrakan domestik tetapi tidak masuk dalam proses ekonomi.

	Penggunaan bahan domestik per kapita, mengikut jenis bahan mentah (tan), dikira sebagai: $\text{DMC per kapita} = \frac{\text{DMC}}{\text{Purata tahunan penduduk}}$ Penggunaan bahan domestik bagi setiap unit KDNK, mengikut jenis bahan mentah (kilogram setiap dolar Amerika Syarikat 2015 yang dimalarkan), dikira sebagai: $\text{DMC per KDNK} = \frac{\text{DMC}}{\text{KDNK dalam dolar Amerika Syarikat 2015 yang dimalarkan}}$
INDIKATOR	8.5.1 Purata pendapatan mengikut jam bagi pekerja, mengikut jantina, umur, pekerjaan, dan orang kurang upaya
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator ini memberikan maklumat mengenai purata pendapatan per jam daripada pekerjaan pekerja yang dibayar mengikut jantina, pekerjaan, umur dan status kurang upaya. <u>Proksi</u> Purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri dan jantina serta purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut pekerjaan dan jantina.
FORMULA	<u>Global</u> Purata pendapatan sejam $= \frac{\sum (\text{pendapatan sejam setiap pekerja} \times \text{jam bekerja oleh setiap pekerja})}{\text{Jumlah bilangan jam bekerja oleh semua pekerja}}$ Statistik mengenai pendapatan purata sejam mengikut jantina boleh digunakan untuk mengira jurang gaji antara lelaki dan perempuan, seperti berikut: Statistik purata pendapatan sejam mengikut jantina boleh digunakan untuk mengira jurang gaji antara jantina, seperti berikut: Jurang gaji antara jantina $= \frac{(\text{Purata pendapatan sejam}_{\text{lelaki}}) - (\text{Purata pendapatan sejam}_{\text{perempuan}})}{(\text{Purata pendapatan sejam}_{\text{lelaki}})} \times 100$
INDIKATOR	8.5.2 Kadar pengangguran mengikut jantina, umur dan orang kurang upaya
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Kadar pengangguran menunjukkan peratusan orang dalam tenaga buruh yang menganggur. <u>Nasional</u> Kadar pengangguran menunjukkan peratusan penduduk menganggur kepada jumlah penduduk dalam tenaga buruh.
FORMULA	<u>Global</u> $\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Jumlah pengangguran}}{\text{Jumlah tenaga buruh}} \times 100$ <u>Nasional</u> $X_1 = \frac{\text{Bilangan orang yang menganggur}}{\text{Bilangan orang dalam tenaga buruh}} \times 100$

	Dimana, X ₁ merujuk kepada kadar pengangguran
INDIKATOR	8.6.1 Kadar belia (berumur 15-24 tahun) yang bukan dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator ini menunjukkan peratusan belia (berumur 15-24 tahun) yang bukan dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan (juga dikenal sebagai "kadar NEET belia"). <u>Nasional</u> Indikator ini menunjukkan proksi peratusan belia (berumur 15-24 tahun) yang bukan dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan (juga dikenal sebagai "kadar NEET belia") di Malaysia berdasarkan sampel terpilih daripada Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
FORMULA	<u>Global</u> $\text{Kadar NEET belia} = \frac{\text{Belia} - (\text{Belia yang bekerja} + \text{Belia yang tidak bekerja tetapi dalam pendidikan atau latihan})}{\text{Belia}} \times 100$ Adalah penting untuk diperhatikan di sini bahawa belia yang serentak bekerja dan dalam pendidikan atau latihan tidak sepatutnya dikira dua kali apabila ditolak dari jumlah keseluruhan belia. Formula ini juga boleh dinyatakan sebagai: $\text{Kadar NEET belia} = \frac{(\text{Belia tidak bekerja} + \text{Belia di luar tenaga buruh}) - (\text{Belia tidak bekerja dalam pendidikan atau latihan} + \text{Belia di luar tenaga buruh dalam pendidikan atau latihan})}{\text{Belia}} \times 100$ <u>Nasional</u> $X_1 = \frac{(\text{Penganggur belia} + \text{Luar tenaga buruh belia}) - (\text{Penganggur belia dalam persekolahan} + \text{Luar tenaga buruh belia dalam persekolahan})}{\text{Belia}} \times 100$ Dimana, X₁ merujuk kepada kadar NEET belia
INDIKATOR	8.8.1 Kecederaan maut dan bukan maut pekerjaan bagi setiap 100,000 pekerja mengikut jantina dan status migran
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator ini memberikan maklumat mengenai jumlah kecederaan maut dan bukan maut bagi setiap 100,000 pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan dalam tempoh rujukan. Ini adalah ukuran kemungkinan peribadi atau risiko mengalami kecederaan maut atau bukan maut bagi setiap pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan. Bilangan kecederaan pekerjaan yang dinyatakan bagi sebilangan pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan juga dikenali sebagai kadar kecederaan pekerjaan. <u>Nasional</u> Kadar kecederaan pekerjaan dikira sebagai jumlah kes baharu kecederaan maut dan kecederaan bukan maut pada tahun rujukan dibahagi dengan jumlah purata bilangan pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan pada tahun rujukan, didarabkan dengan 100,000.



	Kecederaan pekerjaan ialah sebarang kecederaan diri, penyakit atau kematian akibat kemalangan pekerjaan. Oleh itu, kecederaan pekerjaan adalah berbeza daripada penyakit pekerjaan, iaitu penyakit yang dijangkiti akibat pendedahan dalam jangka masa yang panjang kepada faktor risiko yang timbul daripada aktiviti kerja. Kriteria kemasukan utama untuk kecederaan pekerjaan: a. Kecederaan maut pekerjaan: kecederaan pekerjaan yang membawa kepada kematian dalam tempoh satu tahun dari hari kemalangan pekerjaan; atau b. Kecederaan tidak maut pekerjaan: kecederaan pekerjaan yang mengakibatkan ketidakupayaan untuk bekerja sekurang-kurangnya empat hari berturut-turut, termasuk hari kemalangan pekerjaan.
FORMULA	<u>Global</u> Kadar kecederaan maut pekerjaan dinyatakan bagi setiap 100,000 pekerja dalam kumpulan rujukan, dan dengan itu, dikira seperti berikut: Kadar kecederaan maut pekerjaan $= \frac{\text{Kes baru kecederaan maut pekerjaan pada tahun rujukan}}{\text{Pekerja dalam kumpulan rujukan semasa tahun rujukan}} \times 100,000$ Kadar kecederaan bukan maut pekerjaan dikira seperti berikut: Kadar kecederaan bukan maut pekerjaan $= \frac{\text{Kes baru kecederaan bukan maut pekerjaan pada tahun rujukan}}{\text{Pekerja dalam kumpulan rujukan semasa tahun rujukan}} \times 100,000$ <u>Nasional</u> Jumlah kes baru kecederaan pekerjaan pada tahun rujukan $X_1 = \frac{\text{Jumlah kes baru kecederaan pekerjaan pada tahun rujukan}}{\text{Purata bilangan pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan pada tahun rujukan}} \times 100,000$ Dimana, X₁ merujuk kepada kadar kecederaan pekerjaan Jumlah kes baru kecederaan maut pekerjaan pada tahun rujukan $X_2 = \frac{\text{Jumlah kes baru kecederaan maut pekerjaan pada tahun rujukan}}{\text{Purata bilangan pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan pada tahun rujukan}} \times 100,000$ Dimana, X₂ merujuk kepada kadar kecederaan maut pekerjaan Jumlah kes baru kecederaan bukan maut pekerjaan pada tahun rujukan $X_3 = \frac{\text{Jumlah kes baru kecederaan bukan maut pekerjaan pada tahun rujukan}}{\text{Purata bilangan pekerja dalam kumpulan yang dinyatakan pada tahun rujukan}} \times 100,000$ Dimana, X₃ merujuk kepada kadar kecederaan bukan maut pekerjaan

INDIKATOR	8.8.2 Tahap kepatuhan nasional terhadap hak pekerja (kebebasan berpersatuan dan perundingan bersama) berdasarkan sumber tekstual dan undang-undang nasional Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), mengikut jantina dan status migran
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator mengukur tahap pematuhan negara terhadap hak asasi di tempat kerja (kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif, FACB) untuk semua negara anggota ILO berdasarkan enam sumber teks badan penyeliaan ILO antarabangsa dan juga perundangan negara. Ia berdasarkan pengekodan sumber teks terhadap senarai kriteria penilaian dan kemudian menukar pengekodan kepada indikator.
INDIKATOR	8.9.1 KDNK daripada pelancongan langsung sebagai sebahagian daripada jumlah KDNK dan kadar pertumbuhan
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung (TDGDP) didefinisikan sebagai jumlah sebahagian daripada nilai ditambah kasar (pada harga asas) yang dihasilkan oleh semua industri sebagai tindak balas kepada penggunaan pelancongan dalaman, ditambah dengan jumlah cukai bersih ke atas produk dan import yang termasuk dalam nilai perbelanjaan ini dengan harga pembeli. Indikator tersebut berdasarkan kepada Akaun Satelit Pelancongan: <i>Recommended Methodological Framework 2008</i>, piawaian antarabangsa yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Statistik PBB dan diuraikan oleh UNWTO, OECD dan EUROSTAT. <u>Nasional</u> Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung (KDNKPL) adalah jumlah sebahagian nilai ditambah kasar (pada harga asas) yang dihasilkan oleh semua industri sebagai tindak balas terhadap penggunaan pelancongan dalaman. Jumlah cukai bersih ke atas produk dan import termasuk dalam nilai perbelanjaan ini pada harga pembeli.
FORMULA	<u>Global & Nasional</u> KDNK langsung pelancongan sebagai peratusan jumlah KDNK (dalam %) = $\left(\frac{\text{TDGDP}}{\text{GDP}} \right) \times 100$ KDNK langsung pelancongan dalam kadar pertumbuhan = $\left[\left(\frac{\text{TDGDP}_t}{\text{TDGDP}_{t-1}} \right) - 1 \right] \times 100$
INDIKATOR	8.10.1 (a) Bilangan cawangan bank komersial bagi setiap 100,000 orang dewasa dan (b) bilangan mesin juruwang automatik (ATM) bagi setiap 100,000 orang dewasa
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Bilangan cawangan bank komersial bagi setiap 100,000 orang dewasa. Bilangan mesin juruwang automatik (ATM) bagi setiap 100,000 orang dewasa. Populasi dewasa merujuk kepada jumlah keseluruhan penduduk dalam bidang kuasa pelaporan individu berumur 15 tahun ke atas <u>Nasional</u> Bilangan cawangan bank komersial bagi setiap 100,000 orang dewasa merujuk kepada bilangan cawangan bank komersial pada akhir tahun yang dilaporkan oleh



	Bank Negara Malaysia. Bilangan mesin juruwang automatik (ATM) bagi setiap 100,000 orang dewasa merujuk kepada bilangan ATM di negara ini bagi semua jenis institusi kewangan.
FORMULA	Global Indikator ini dikira berdasarkan data yang dikumpul secara langsung dari bank pusat atau pengawal selia kewangan utama di negara tersebut. Formula untuk mendapatkan indikator ini adalah: $\text{Bilangan cawangan bank komersial bagi setiap 100,000 orang dewasa}_{it} = \frac{\text{Bilangan cawangan bank komersial}_{it}}{\frac{\text{Populasi dewasa}_{it}}{100,000}}$ $\text{Bilangan mesin juruwang automatik (ATM) bagi setiap 100,000 orang dewasa}_{it} = \frac{\text{Bilangan mesin juruwang automatik (ATM)}_{it}}{\frac{\text{Populasi dewasa}_{it}}{100,000}}$ Di mana "i" menunjukkan negara dan "t" menunjukkan tahun. Sumber maklumat untuk jumlah cawangan bank komersial dan jumlah ATM adalah <i>Financial Access Survey</i> (FAS), manakala sumber maklumat untuk penduduk dewasa adalah Indikator Pembangunan Dunia atau Buku Fakta Dunia.
INDIKATOR	8.10.2 Peratusan orang dewasa (15 tahun dan ke atas) yang memiliki akaun di bank atau institusi kewangan lain atau dengan penyedia perkhidmatan wang mudah alih
KONSEP DAN DEFINISI	Global & Nasional Peratusan orang dewasa (berumur 15+) yang melaporkan mempunyai akaun (sendiri atau bersama dengan orang lain) di bank atau jenis institusi kewangan lain atau secara peribadi menggunakan perkhidmatan wang mudah alih dalam tempoh 12 bulan yang lepas.
INDIKATOR	8.a.1 Komitmen dan perbelanjaan Bantuan Perdagangan
KONSEP DAN DEFINISI	Global Komitmen dan perbelanjaan Bantuan Perdagangan ialah pengeluaran dan komitmen kasar bagi jumlah Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) daripada semua penderma untuk bantuan perdagangan. Konsep: <i>Development Assistance Committee</i> (DAC) mendefinisikan Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) sebagai "yang mengalir ke negara dan wilayah dalam Senarai DAC bagi Penerima ODA dan kepada institusi pelbagai hala yang mana: i) disediakan oleh agensi rasmi, termasuk kerajaan negeri dan tempatan, atau oleh agensi eksekutif mereka; dan ii) konsesi (iaitu pemberian dan pinjaman mudah) dan ditadbir dengan menggalakkan pembangunan ekonomi dan kebajikan negara membangun sebagai objektif utamanya.
FORMULA	Global Jumlah Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) dari semua penderma kepada negara membangun untuk bantuan perdagangan.

INDIKATOR	8.b.1 Kewujudan strategi negara yang dibangunkan dan dikendalikan untuk pekerjaan belia, sebagai strategi yang berlainan atau sebahagian daripada strategi pekerjaan Negara												
KONSEP DAN DEFINISI	Global Metodologi yang dicadangkan: a. Instrumen dasar global, terutamanya: - Penyelesaian Krisis pekerjaan belia: Seruan untuk bertindak, diterima pakai pada sesi ke-101 Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) pada Jun 2012. Dalam menyeru agar tindakan kolektif yang cergas untuk menangani krisis pekerjaan belia yang memburuk, resolusi ini menyokong satu pendekatan pelbagai serampang dengan langkah dasar yang khusus konteks dan bersepadu, melibatkan strategi yang menggabungkan pelbagai instrumen secara koheren untuk meningkatkan permintaan, meningkatkan penawaran dan menambah baik pepadanan dalam pasaran buruh belia. - Pulih daripada krisis: Pakatan Pekerjaan Global yang diterima pakai oleh ILC pada sesi Jun 2009. Berdasarkan Agenda Kerja Layak ILO, Global Jobs Pact membentangkan portfolio bersepadu dasar yang meletakkan pekerjaan dan perlindungan sosial sebagai pusat tindak balas krisis, mengiktiraf peranan penting penyertaan dan dialog sosial. b. Pangkalan data ILO: - Pemantauan antarabangsa terhadap dasar pekerjaan belia telah dijalankan sepanjang tempoh 2010-2012 oleh Rangkaian Pekerjaan Belia (YEN) – perkongsian antara ILO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Bank Dunia – menggunakan soal selidik yang dihantar kepada pihak berkuasa negara. Ini berkembang menjadi YouthPOL, inventori dasar dan program pekerjaan belia yang diselenggara oleh ILO (65 negara dilindungi sehingga kini). - ILO juga mengekalkan EmPol, set data dasar pekerjaan nasional yang lebih luas (143 negara dilindungi). Maklumat dan dokumen yang disediakan oleh pihak berkuasa negara akan dianalisis oleh ILO untuk mengklasifikasikan negara mengikut grid ini: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai</th><th>Penerangan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tiada nilai</td><td>Tiada maklumat tersedia untuk menilai kewujudan strategi nasional untuk pekerjaan belia.</td></tr> <tr> <td>0</td><td>Negara ini tidak membangunkan sebarang strategi nasional untuk pekerjaan belia atau mengambil langkah untuk membangunkan atau mengamalkannya.</td></tr> <tr> <td>1</td><td>Negara sedang dalam proses membangunkan strategi nasional untuk pekerjaan belia.</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Negara telah membangunkan dan mengamalkan strategi nasional untuk pekerjaan belia.</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Negara telah mengoperasikan strategi nasional untuk pekerjaan belia.</td></tr> </tbody> </table>	Nilai	Penerangan	Tiada nilai	Tiada maklumat tersedia untuk menilai kewujudan strategi nasional untuk pekerjaan belia.	0	Negara ini tidak membangunkan sebarang strategi nasional untuk pekerjaan belia atau mengambil langkah untuk membangunkan atau mengamalkannya.	1	Negara sedang dalam proses membangunkan strategi nasional untuk pekerjaan belia.	2	Negara telah membangunkan dan mengamalkan strategi nasional untuk pekerjaan belia.	3	Negara telah mengoperasikan strategi nasional untuk pekerjaan belia.
Nilai	Penerangan												
Tiada nilai	Tiada maklumat tersedia untuk menilai kewujudan strategi nasional untuk pekerjaan belia.												
0	Negara ini tidak membangunkan sebarang strategi nasional untuk pekerjaan belia atau mengambil langkah untuk membangunkan atau mengamalkannya.												
1	Negara sedang dalam proses membangunkan strategi nasional untuk pekerjaan belia.												
2	Negara telah membangunkan dan mengamalkan strategi nasional untuk pekerjaan belia.												
3	Negara telah mengoperasikan strategi nasional untuk pekerjaan belia.												

MATLAMAT 9: INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR

INDIKATOR	9.1.1 Peratusan penduduk luar bandar yang tinggal dalam jarak 2 km dari jalan yang boleh digunakan sepanjang tahun
KONSEP DAN DEFINISI	Global & Nasional Indikator ini dikenali sebagai <i>Rural Access Index</i> (RAI) yang mengukur kadar populasi penduduk luar bandar di sesebuah negara yang tinggal dalam lingkungan 2 km dari jalan sepanjang musim (<i>all-season road</i>). Konsep: Indikator ini diukur dengan menggabungkan tiga set data geospasial: di mana orang tinggal, taburan spatial rangkaian jalan, dan kebolehlaluan jalan. Penggunaan data spatial memberi pelbagai kelebihan. Ia dapat membantu memastikan konsistensi di seluruh negara. Tahap resolusi spatial adalah secara umumnya sama tidak kira saiz negara atau sempadan subnasional. Mana-mana norma tertentu perhubungan (contohnya, jarak 2 km dari jalan) digunakan dengan unik dan jelas untuk semua negara.
FORMULA	Global & National $X_1 = \frac{\text{Bilangan penduduk luar bandar yang tinggal dalam radius 2km dari jalan yang baik}}{\text{Jumlah penduduk luar bandar}} \times 100$ Dimana, X₁ merujuk kepada <i>Rural Access Index</i> (RAI)
INDIKATOR	9.1.2 Jumlah penumpang dan barangan, mengikut jenis pengangkutan
KONSEP DAN DEFINISI	Global Jumlah penumpang diukur dalam penumpang-kilometer manakala jumlah barangan diukur dalam tan-kilometer, dan diasingkan mengikut kaedah pengangkutan. Bagi tujuan pemantauan indikator ini, data penumpang-km dibahagi antara penerbangan, jalan raya (dipecahkan antara penumpang kereta, bas dan motosikal) dan kereta api, dan tan-km dibahagi antara penerbangan, jalan raya, kereta api dan jalan air pedalaman. Pengangkutan maritim diukur dalam tan metrik dan trafik pelabuhan kontena diukur dalam unit bersamaan dua puluh kaki (TEU). Nasional Jumlah penumpang dan barangan adalah hasil tambah jumlah penumpang dan barangan yang dilaporkan dari segi bilangan orang dan metrik tan muatan masing-masing.
INDIKATOR	9.2.1 Nilai ditambah pembuatan sebagai sebahagian daripada KDNK dan per kapita
KONSEP DAN DEFINISI	Global Sumbangan nilai ditambah sektor pembuatan (MVA) kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah nisbah antara MVA dan KDNK, kedua-duanya dilaporkan pada harga malar 2015 (dalam USD).

	MVA per kapita dikira dengan membahagikan MVA dalam malar USD 2015 mengikut negara atau kawasan. <u>Proksi</u> Indikator ini didefinisikan sebagai sumbangan nilai ditambah sektor pembuatan (MVA) kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Ia diwakili sebagai peratusan. MVA per kapita adalah jumlah MVA dibahagi dengan jumlah populasi Malaysia. Data diukur di dalam RM.
FORMULA	<u>Global & Proksi</u> $\text{MVA sebagai peratusan kepada KDNK (\%)} = \frac{\text{MVA}}{\text{GDP}} \times 100$ $\text{MVA per kapita} = \frac{\text{MVA}}{\text{populasi}}$
INDIKATOR	9.2.2 Guna tenaga sektor pembuatan sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan guna tenaga
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Indikator ini menunjukkan peratusan pekerjaan sektor perkilangan dalam jumlah pekerjaan. <u>Nasional</u> Indikator ini menunjukkan peratusan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan daripada jumlah penduduk bekerja dalam semua sektor.
FORMULA	<u>Global</u> Kaedah Pengiraan: $\frac{\text{Jumlah pekerjaan dalam aktiviti pembuatan}}{\text{Jumlah pekerjaan dalam semua aktiviti ekonomi}} \times 100$ <u>Nasional</u> Kaedah Pengiraan: $\frac{\text{Jumlah penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan}}{\text{Jumlah penduduk bekerja dalam semua sektor}} \times 100$
INDIKATOR	9.3.1 Peratusan industri berskala kecil dalam nilai ditambah industri keseluruhan
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Perusahaan perindustrian berskala kecil, dalam kerangka kerja SDG juga dipanggil “industri berskala kecil”, didefinisikan bagi tujuan pengumpulan dan penyusunan data statistik yang merujuk kepada unit statistik atau secara umumnya perusahaan yang terlibat dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasaran di bawah saiz kelas yang ditetapkan. Peratusan “industri berskala kecil” dalam jumlah nilai ditambah industri mewakili satu indikator yang mengira sumbangan nilai ditambah pembuatan bagi perusahaan pembuatan yang berskala kecil kepada jumlah nilai ditambah pembuatan.



	<u>Nasional</u> Industri berskala kecil adalah merujuk kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Peratusan PMKS dalam jumlah nilai ditambah adalah satu indikator yang dikira sebagai sumbangan nilai ditambah bagi PMKS sektor pembuatan kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan.
FORMULA	<u>Global</u> Peratusan "industri berskala kecil" dalam jumlah nilai ditambah adalah indikator yang dikira sebagai sumbangan nilai ditambah untuk sektor pembuatan bagi industri berskala kecil kepada jumlah nilai ditambah pembuatan: $\frac{\text{Nilai ditambah pembuatan bagi "industri berskala kecil"}}{\text{Jumlah nilai ditambah pembuatan}} \times 100$ Sektor pembuatan ditakrifkan mengikut Standard Perindustrian Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC) Semakan Ke-3 (1990) atau Semakan Ke-4 (2008). <u>Nasional</u> $X_1 = \frac{\text{Nilai ditambah PMKS sektor pembuatan}}{\text{Jumlah nilai ditambah sektor pembuatan}} \times 100$ Di mana, X₁ merujuk kepada sumbangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sektor pembuatan kepada jumlah nilai ditambah.
NDIKATOR	9.3.2 Peratusan industri berskala kecil dengan pinjaman atau kredit
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Perusahaan perindustrian berskala kecil, dalam rangka kerja SDG juga dipanggil "industri berskala kecil", didefinisikan sebagai tujuan pengumpulan dan penyusunan data statistik yang merujuk kepada unit statistik atau secara amnya perusahaan yang terlibat dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasaran di bawah saiz kelas yang ditetapkan. Indikator ini menunjukkan bilangan "industri berskala kecil" dengan jumlah kredit aktif atau pinjaman dari institusi kewangan pada tahun rujukan dalam jumlah peratusan hingga jumlah keseluruhan perusahaan tersebut. <u>Nasional</u> Industri berskala kecil adalah merujuk kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kadar PKS dengan kredit aktif atau pinjaman dikira sebagaimana bilangan PKS dengan kredit aktif atau pinjaman dari institusi kewangan pada tahun rujukan dalam jumlah peratusan hingga jumlah keseluruhan perusahaan tersebut.
FORMULA	<u>Global</u> Nisbah "industri skala kecil" yang mempunyai pinjaman atau kredit dibuat kiraannya sebagai jumlah "industri skala kecil" yang mempunyai kredit atau pinjaman aktif dari institusi kewangan pada tahun rujukan dalam peratusan terhadap jumlah keseluruhan perusahaan sebegini:

	$\frac{\text{bilangan "industri skala kecil" dengan pinjaman atau kredit}}{\text{Jumlah keseluruhan "industri skala kecil"}} \times 100$ Penunjuk tersebut dikira sebagai bahagian daripada perusahaan pembuatan skala kecil yang mempunyai pinjaman atau kredit dalam jumlah keseluruhan perusahaan pembuatan skala kecil. Pengiraan penunjuk ini boleh diperluaskan untuk aktiviti ekonomi lain. Nasional $X_1 = \frac{\text{Bilangan PKS dengan pinjaman atau kredit aktif}}{\text{Jumlah bilangan PKS}} \times 100$ Di mana, X₁ merujuk kepada peratusan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan pinjaman atau kredit aktif.
INDIKATOR	9.4.1 Pelepasan CO₂ per unit nilai ditambah
KONSEP DAN DEFINISI	Global Karbon dioksida (selepas ini, CO₂) pelepasan per unit nilai ditambah adalah indikator yang dikira sebagai nisbah antara pelepasan CO₂ dari pembakaran bahan bakar dan nilai ditambah aktiviti ekonomi yang berkaitan. Indikator tersebut dapat dihitung untuk keseluruhan ekonomi (jumlah pelepasan CO₂ / KDNK) atau untuk sektor-sektor tertentu, terutama sektor pembuatan (pelepasan CO₂ dari industri pembuatan per nilai ditambah sektor pembuatan (MVA)). Pelepasan CO₂ per unit KDNK dinyatakan dalam kilogram CO₂ per USD KDNK PPP 2010 yang malar. Pelepasan CO₂ dari industri pembuatan per unit MVA diukur dalam kilogram setara CO₂ per unit MVA pada USD 2015 yang malar. Proksi Pengeluaran gas rumah hijau.
FORMULA	Global $\text{CO}_2 \text{ pembuangan CO}_2 \text{ setiap unit nilai tambah} = \frac{\text{Pembuangan CO}_2 \text{ dari pengilangan (dalam kg)}}{\text{MVA (USD tetap)}}$
INDIKATOR	9.5.1 Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan sebagai sebahagian daripada KDNK
KONSEP DAN DEFINISI	Global Perbelanjaan Penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai sebahagian daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah jumlah perbelanjaan R&D dibahagikan dengan jumlah pengeluaran ekonomi. Nasional Jumlah perbelanjaan dalaman (<i>intramural expenditures</i>) untuk R&D yang dilakukan di negara semasa tempoh rujukan tertentu dinyatakan sebagai peratus KDNK negara (UIS, 2019).
FORMULA	Global Pengeluaran penyelidikan dan pembangunan eksperimental (R&D) sebagai peratusan daripada KDNK (Intensiti R&D) dikira sebagai:



	$R\&D_{\text{ketumpatan}} = \frac{\text{Jumlah perbelanjaan intramural bagi R\&D}}{KDNK} \times 100$
INDIKATOR	9.5.2 Penyelidik (bersamaan sepenuh masa) bagi sejuta penduduk
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Penyelidik (bersamaan sepenuh masa - FTE) bagi setiap sejuta penduduk adalah ukuran langsung bagi jumlah pekerja penyelidikan dan pembangunan per 1 juta orang. <u>Nasional</u> Nisbah waktu bekerja yang sebenarnya dibelanjakan untuk R&D semasa tempoh rujukan tertentu dibahagikan dengan jumlah jam bekerja secara konvensional dalam tempoh yang sama oleh individu atau kumpulan (Frascati Manual, 2015) dinyatakan sebagai perkadaran sejuta penduduk.
FORMULA	<u>Global</u> Bilangan penyelidik (dalam jumlah penuh setara - FTE) bagi setiap juta penduduk (Ketumpatan RES) dikira sebagai: $RES_{\text{ketumpatan}} = \frac{\text{Jumlah penyelidik sepenuh masa (FTE)}}{\text{Jumlah penduduk keseluruhan negara}} \times 1,000,000$ di mana 'Jumlah penyelidik sepenuh masa (FTE)' dikira sebagai: Jumlah penyelidik sepenuh masa (FTE) = Bilangan penyelidik sepenuh masa + $\left[\frac{\text{Bilangan jam kerja yang dihabiskan untuk R\&D oleh penyelidik separuh masa}}{\text{Bilangan jam kerja normatif atau yang ditetapkan undang – undang bagi seorang penyelidik sepenuh masa}} \right]$
INDIKATOR	9.a.1 Jumlah sokongan antarabangsa rasmi (bantuan pembangunan rasmi berserta aliran rasmi lain) bagi infrastruktur
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Pengeluaran kasar jumlah ODA dan aliran rasmi lain daripada semua penderma untuk menyokong infrastruktur. Konsep: ODA: DAC mendefinisikan ODA sebagai "aliran ke negara dan wilayah dalam Senarai DAC Penerima ODA dan kepada institusi pelbagai hala iaitu: i) disediakan oleh agensi rasmi, termasuk kerajaan negeri dan tempatan, atau oleh agensi eksekutif mereka; dan ii) setiap urusan niaga ditadbir dengan menggalakkan pembangunan ekonomi dan kebajikan negara membangun sebagai objektif utamanya; dan bersifat konsesi dan menyampaikan elemen pemberian sekurang-kurangnya 25 peratus (dikira pada kadar diskaun 10 peratus).

INDIKATOR	9.b.1 Peratusan nilai ditambah industri berteknologi sederhana dan tinggi dalam nilai ditambah keseluruhan
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Peratusan nilai ditambah industri berteknologi sederhana dan tinggi (MHT) dalam Nilai ditambah sektor pembuatan (MVA) adalah nilai nisbah antara nilai ditambah industri MHT dan MVA. <u>Nasional</u> Sumbangan nilai ditambah industri berteknologi sederhana dan tinggi (MHT) kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan (MVA) adalah nilai nisbah antara nilai ditambah industri MHT dan MVA. Industri MHT didefinisikan oleh Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 pada peringkat dua digit: 1. Kod 20 - Pembuatan bahan kimia & produk kimia 2. Kod 21 - Pembuatan produk farmaseutikal & persediaan farmaseutikal 3. Kod 26 - Pembuatan produk komputer, elektronik & optik 4. Kod 27 - Pembuatan peralatan elektrik 5. Kod 28 - Pembuatan mesin & peralatan iaitu t.t.t.l. 6. Kod 29 - Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler 7. Kod 30 (tidak termasuk 301) - Pembuatan peralatan pengangkutan lain
FORMULA	<u>Global</u> Indikator ini dikira sebagai sumbangan kepada jumlah nilai ditambah daripada aktiviti ekonomi MHT kepada MVA menggunakan dolar AS semasa $\frac{\text{Jumlah nilai tambah dalam aktiviti ekonomi MHT}}{MVA} \times 100$ <u>Nasional</u> $X_1 = \frac{\text{Nilai ditambah industri MHT}}{\text{Jumlah nilai ditambah sektor pembuatan (MVA)}} \times 100$ Di mana, X_1 merujuk kepada peratusan nilai ditambah industri berteknologi sederhana dan tinggi
INDIKATOR	9.c.1 Peratusan penduduk yang diliputi oleh rangkaian mudah alih, mengikut teknologi
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global & Nasional</u> Peratusan penduduk yang diliputi oleh rangkaian mudah alih mengikut teknologi, merujuk kepada peratusan penduduk yang tinggal dalam jarak isyarat selular, tanpa mengira sama ada mereka adalah pengguna telefon bimbit ataupun tidak. Ini dikira dengan membahagikan bilangan penduduk dalam jarak isyarat selular dengan jumlah penduduk dan didarab dengan 100.


FORMULA	<u>Global & Nasional</u> $X_1 = \frac{\text{Bilangan penduduk yang tinggal dalam jarak isyarat selular}}{\text{Jumlah penduduk}} \times 100$ Di mana, X_1 merujuk kepada peratusan penduduk yang diliputi rangkaian mudah alih
---------	---

MATLAMAT 10: MENGURANGKAN KETIDAKSAMAAN

INDIKATOR	10.1.1 Kadar pertumbuhan perbelanjaan atau pendapatan isi rumah per kapita dalam kalangan penduduk terendah 40 peratus dan jumlah penduduk
KONSEP DAN DEFINISI	<u>Global</u> Kadar pertumbuhan dalam agregat kesejahteraan bawah 40 peratus dikira sebagai kadar pertumbuhan purata tahunan dalam penggunaan sebenar per kapita atau bawah 40 peratus pengagihan pendapatan di sebuah negara dari survei isi rumah dalam tempoh kira-kira 5 tahun. Kadar pertumbuhan purata nasional dalam agregat kesejahteraan dikira sebagai kadar pertumbuhan purata tahunan dalam penggunaan sebenar per kapita atau pendapatan jumlah penduduk di sebuah negara dari survei isi rumah dalam tempoh kira-kira 5 tahun. <u>Nasional</u> Kadar pertumbuhan dalam agregat kesejahteraan bawah 40 peratus dikira sebagai kadar pertumbuhan purata tahunan dalam penggunaan sebenar per kapita atau bawah 40 peratus pengagihan pendapatan di sebuah negara dari survei isi rumah dalam tempoh kira-kira 5 tahun. Kadar pertumbuhan purata nasional dalam agregat kesejahteraan dikira sebagai kadar pertumbuhan purata tahunan dalam penggunaan sebenar per kapita atau pendapatan jumlah penduduk di sebuah negara dari survei isi rumah dalam tempoh kira-kira 5 tahun. Data bagi isi rumah merujuk kepada data warganegara sahaja.
FORMULA	<u>Global</u> $\text{Pertumbuhan pendapatan atau penggunaan} = \left(\frac{\text{Purata dalam } T_1}{\text{Purata dalam } T_0} \right)^{(1/(T_1-T_0))} - 1$ Pertumbuhan purata pendapatan sebenar atau penggunaan per kapita bagi populasi keseluruhan dikira dengan cara yang sama menggunakan data bagi populasi keseluruhan <u>Nasional</u> Pengiraan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun adalah berdasarkan kepada fungsi eksponen seperti berikut: $CAGR = \left(\frac{\ln \left(\frac{Y_t}{Y_0} \right)}{t} \right) \times 100$ di mana; CAGR kadar pertumbuhan tahunan dikompaun Y_t pendapatan isi rumah bulanan tahun semasa Y_0 pendapatan isi rumah bulanan tahun sebelumnya t tempoh masa antara tahun semasa dengan tahun sebelumnya

INDIKATOR	10.2.1 Peratusan penduduk yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah, mengikut jantina, umur dan orang kurang upaya
KONSEP DAN DEFINISI	Global Peratusan penduduk yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah (atau penggunaan) ialah bahagian (%) penduduk negara yang tinggal kurang daripada separuh tahap penggunaan/pendapatan daripada purata pengagihan pendapatan/penggunaan nasional. Proksi Peratusan isi rumah warganegara di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah.
FORMULA	Global Pendapatan atau penggunaan per kapita dianggarkan dengan menggunakan jumlah pendapatan isi rumah atau penggunaan keseluruhan dibahagikan dengan jumlah keseluruhan isi rumah. Proksi Peratusan isi rumah warganegara di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah nasional atau negeri. $\text{Insiden kemiskinan relatif} = \frac{\text{Bilangan isi rumah dengan pendapatan kurang daripada 50 peratus pendapatan penengah nasional/negeri}}{\text{Jumlah isi rumah}} \times 100$
INDIKATOR	10.4.1 Sumbangan buruh dalam KDNK
